

**TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT
KEMPEN BALIK KAMPUNG CIMB**

1. Kempen Balik Kampung CIMB (“**Kempen**”) adalah dianjurkan secara bersama-sama oleh CIMB Bank Berhad (13491-P) (“CIMB Bank”) dan CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H) (“CIMB Islamic”). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic adalah secara kolektif dirujuk di sini sebagai (“CIMB”).

Tempoh Kempen

2. Kempen ini akan berlangsung dari 15 Mei 2019 hingga 31 Ogos 2019, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB menyimpan hak dengan memberikan notis mencukupi terdahulu yang tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh penamatan Tempoh Kempen.

Kelayakan

4. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pemegang kad utama Kad Kredit CIMB PETRONAS Platinum, Kad Kredit CIMB PETRONAS Platinum-i dan Kad Kredit CIMB Platinum-i baru dan sedia ada (secara kolektif dirujuk sebagai “Kad CIMB”) yang dikeluarkan oleh CIMB.

Selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai (“**Peserta Yang Layak**”).

5. Akaun-akaun Kad CIMB baru dan sedia ada Peserta Yang Layak adalah selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Akaun Kad CIMB Yang Mengambil Bahagian**”.
6. Kategori-kategori orang yang berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:-
 - i. Kakitangan atau pekerja-pekerja tetap, kontrak dan/atau sambilan *Kumpulan Syarikat-syarikat CIMB dan ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak, ibu bapa dan adik beradik); dan/atau
 - ii. Peserta Yang Layak yang telah membatalkan Akaun Kad CIMB Yang Mengambil Bahagiannya dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tarikh permohonan dan memohon semula Kad CIMB di bawah Kempen ini.

* Kumpulan Syarikat CIMB bermaksud kumpulan-kumpulan syarikat-syarikat/entiti-entiti undang-undang di mana CIMB Group Holdings Berhad, sebagai syarikat induk muktamad CIMB yang mempunyai kepentingan kawalan, secara langsung atau tidak langsung, sama ada secara sendiri atau melalui subsidiari-subsidiarinya.

Kriteria Penyertaan

7. Peserta Yang Layak mesti:-
 - i. “Berjaya Memohon” Kad CIMB atau merupakan pemegang kad utama Kad CIMB yang sedia ada; dan
 - ii. melakukan transaksi perbelanjaan runcit (seperti yang ditakrif dalam Klausa 8 di sini) dengan menggunakan Akaun Kad CIMB Yang Mengambil Bahagian mereka;

mengikut cara yang dinyatakan di bawah untuk memperoleh penyertaan semasa Tempoh Kempen dan berpeluang untuk memenangi Hadiah Pertama, Hadiah Kedua dan/atau Hadiah Saguhati (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 15 hingga 17 di sini):-

Kriteria Penyertaan	Bilangan Penyertaan
Setiap RM30 dibelanjakan dalam satu resit tunggal untuk perbelanjaan runcit selain di Stesen Servis Petronas (“Perbelanjaan Bukan Petronas”)	1X Penyertaan

Setiap RM30 dibelanjakan dalam satu resit tunggal di Stesen Servis Petronas ("Perbelanjaan Petronas")	3X Penyertaan
Setiap permohonan Kad CIMB yang diluluskan semasa Tempoh Kempen	10X Penyertaan

- iii. "Berjaya Diluluskan" bermaksud bahawa permohonan Kad CIMB Peserta Yang Layak dikemukakan semasa Tempoh Kempen dan permohonan tersebut diluluskan oleh CIMB dan diaktifkan oleh Peserta Yang Layak tidak lewat daripada 30 September 2019. CIMB berhak untuk meluluskan atau menolak sebarang permohonan kad kredit dan/atau untuk meminta apa-apa dokumen sokongan lanjut sebagaimana yang difikirkannya patut. Untuk mengelakkan keraguan, CIMB mempunyai budi bicara tunggal dan mutlak untuk menentukan sama ada dokumen sokongan adalah mencukupi untuk tujuan memproses permohonan kad kredit yang dikemukakan kepada CIMB.
 - iv. Untuk mengelakkan keraguan, Perbelanjaan Petronas adalah ditakrifkan sebagai transaksi yang dilakukan di Stesen Servis PETRONAS berdasarkan rekod CIMB di bawah Kod Kategori Pedagang (MCC) 5541 dan 5542.
 - v. Perbelanjaan Bukan Petronas dan Perbelanjaan Petronas hendaklah secara kolektif dirujuk sebagai ("Transaksi Layak").
8. Transaksi Layak yang dinyatakan di atas termasuk transaksi pembelian untuk barangan dan perkhidmatan termasuk pembelian dalam talian untuk barangan dan perkhidmatan dan ditanggung untuk kegunaan peribadi dan tidak termasuk transaksi pertaruhan atau perjudian. Untuk mengelakkan keraguan, transaksi berikut juga dikecualikan dengan nyata dan tidak akan dianggap sebagai Transaksi Layak: -
- i. Transaksi Tunai Kuasi – (contohnya: transaksi pertaruhan dan/atau perjudian);
 - ii. Ansuran bulanan di bawah mana-mana kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh CIMB atau mana-mana institusi kewangan lain atau pemindahan dana daripada Institusi Kewangan lain;
 - iii. Bayaran yuran tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, bayaran tunai, fi penggantian kad, caj pertikaian, caj penipuan atau fi, caj atau penalti lain-lain yang dikenakan oleh CIMB atau selainnya;
 - iv. Transaksi pendahuluan/pengeluaran/deposit tunai; dan
 - v. Transaksi Layak yang kemudiannya dibatalkan atau dibayar balik, atau apa-apa transaksi lain yang dipertikaikan, tanpa kebenaran atau penipuan.

Untuk mengelakkan keraguan, transaksi antarabangsa dalam mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran semasa CIMB.

9. Semua Transaksi Layak akan dijejak secara automatik oleh CIMB untuk tujuan tabulasi bilangan penyertaan untuk Kempen dan akan berdasarkan kepada tarikh dan/atau masa transaksi (Waktu Malaysia) yang ditangkap oleh rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen. Penentuan CIMB tentang apa merupakan Transaksi Layak adalah muktamad melainkan perkara itu dilihat sebagai terlalu tidak adil.
10. CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab terhadap apa-apa kelewatan dalam pengeposan Transaksi Layak kepada akaun kad kredit Peserta Yang Layak dan/atau kesilapan atau peninggalan dalam pengeposan tersebut disebabkan oleh apa jua sebab dan walau bagaimanapun timbul termasuk tetapi tidak terhad kepada kelewatan pihak pedagang melainkan ia disebabkan oleh kecuaiian melampau dan/atau keingkaran CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan dan/atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh Visa, Mastercard, pertubuhan pedagang atau mana-mana pihak lain kecuali ia disebabkan oleh kecuaiian melampau dan/atau keingkaran CIMB.
11. CIMB tidak bertanggungjawab ke atas permohonan Kad CIMB atau surat-menyurat berkenaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tersilap penghantaran, tertangguh, tidak boleh dibaca, rosak atau tersilap alamat sama ada disebabkan oleh kesilapan,

peninggalan, perubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau selainnya melainkan jika ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampaui dan keingkaran sengaja CIMB.

12. Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya Peserta Yang Layak adalah pemegang kad utama yang dikeluarkan oleh CIMB Bank dan CIMB Islamic dan layak menyertai Kempen ini, perbelanjaan runcit Peserta Yang Layak yang menggunakan kad CIMB penyertaan yang dikeluarkan oleh CIMB Bank dan CIMB Islamic dan/atau permohonan Kad CIMB baru yang diluluskan dan diaktifkan akan dikumpulkan dan tidak akan dikira secara berasingan bagi tujuan mendapatkan penyertaan untuk memenangi Hadiah dalam Kempen ini.
13. Transaksi Layak untuk tujuan Kempen ini hendaklah dikira berdasarkan jumlah perbelanjaan kad kredit Peserta Yang Layak yang disatukan (utama dan tambahan). Sekiranya Peserta Yang Layak mempunyai beberapa Akaun Kad CIMB Penyertaan, Transaksi Layak yang dibuat ke atas semua Akaun Kad CIMB Penyertaannya termasuk akaun kad kredit utama dan tambahan akan disatukan dan tidak dilihat secara individu. Sila rujuk kepada contoh di bawah:-

Contoh:

Peserta Yang Layak A mempunyai 1 Kad CIMB utama dan 2 Kad CIMB tambahan. Semua Transaksi Layak ke atas mana-mana kad kredit tersebut yang memenuhi keperluan perbelanjaan runcit akan dikumpulkan untuk mengkira jumlah penyertaan yang layak untuk Kempen ini.

Hadiah

14. Butir-butir Hadiah Saguhati, Hadiah Kedua dan Hadiah Pertama adalah seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 15 hingga 17 di sini.

Hadiah Saguhati

15. Butir-butir mengenai Bulan Penyertaan, Hadiah Saguhati bagi setiap pemenang dan bilangan Pemenang Hadiah Saguhati adalah seperti berikut:-

Bulan Penyertaan	Hadiah Saguhati bagi setiap pemenang	Bilangan Pemenang Hadiah Saguhati
15 Mei 2019 – 14 Jun 2019	SATU RM100 "PETRONAS Gift Card"	100
15 Jun 2019 – 14 Julai 2019		100
15 Julai 2019 – 31 Ogos 2019		100
JUMLAH		300

Hadiah Kedua

16. Butir-butir mengenai Bulan Penyertaan, Hadiah Kedua bagi setiap pemenang dan bilangan Pemenang Hadiah Kedua adalah seperti berikut:-

Bulan Penyertaan	Hadiah Kedua bagi setiap pemenang	Bilangan Pemenang Hadiah Kedua
15 Mei 2019 – 14 Jun 2019	SATU Baucar Habib Jewels bernilai RM1,000	2
15 Jun 2019 – 14 Julai 2019		2
15 Julai 2019 – 31 Ogos 2019		2
JUMLAH		6

Hadiah Pertama

17. Butir-butir mengenai Bulan Penyertaan, Hadiah Pertama bagi setiap pemenang dan bilangan Pemenang Hadiah Pertama adalah seperti berikut:-

Bulan Penyertaan	Hadiah Pertama bagi setiap pemenang	Bilangan Pemenang Hadiah Pertama
15 Mei 2019 – 14 Jun 2019	SATU Duit Raya bernilai RM5,000	1
15 Jun 2019 – 14 Julai 2019		1

15 Julai 2019 – 31 Ogos 2019		1
JUMLAH		3

18. Peserta Yang Layak adalah layak untuk mendapatkan dan mengumpulkan penyertaan bermula dari hari pertama setiap Bulan Penyertaan untuk berpeluang memenangi Hadiah yang diberikan dalam setiap Bulan Penyertaan.
19. Peserta Yang Layak adalah layak untuk memenangi maksimum satu (1) Hadiah Saguhati dan **sama ada** satu (1) Hadiah Kedua **atau** satu (1) Hadiah Pertama sahaja semasa Tempoh Kempen.
20. Hadiah di bawah Kempen ini adalah disediakan berdasarkan "sedia ada" dan tidak boleh dipindahmilik atau ditukar dengan wang tunai atau kredit dalam apa jua jenis. Di mana berkenaan, Hadiah akan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat penjual/pembekal, pengilang dan/atau pedagang Hadiah yang berkenaan di mana terma-terma dan syarat-syarat tersebut adalah berasingan daripada terma-terma dan syarat-syarat CIMB yang mengawal Kempen ini.
21. Imej Hadiah yang ditunjukkan dalam apa-apa pemasaran dan pengiklanan kolateral adalah untuk tujuan visual sahaja dan warna/reka bentuk mungkin berbeza daripada Hadiah sebenar yang diterima. Peserta Yang Layak tidak dibenarkan untuk memilih atau menukar warna atau model Hadiah.
22. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB secara nyata mengecualikan dan menafikan sebarang representasi, waranti atau pengendorsan, secara tersirat ataupun tersurat, bertulis atau lisan, bagi semua Hadiah dan tidak akan menanggung apa-apa tanggungjawab terhadap Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini. CIMB tidak akan melayan apa-apa jua aduan berkenaan dengan Hadiah.
23. Hadiah adalah ditawarkan dan/atau disediakan semata-mata oleh penjual/pembekal yang berkenaan, di bawah terma-terma dan syarat-syarat seperti yang ditentukan oleh penjual/pembekal tersebut dan CIMB tidak akan menerima liabiliti (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas bagi mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) sebagaimana ia timbul sama ada secara kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya berkenaan dengan Hadiah, walaupun CIMB telah dinasihatkan kemungkinan ganti rugi tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi tersebut adalah dikecualikan secara nyata.
24. CIMB tidak akan melayan apa-apa jua aduan berkenaan dengan Hadiah. Hadiah tidak pernah diperakui oleh CIMB dan kemasukan Hadiah dalam Kempen ini tidak akan dalam apa-apa keadaan diertikan sebagai endorsmen atau cadangan Hadiah oleh CIMB. Liabiliti CIMB berhubung dengan Hadiah hanya untuk membayar harganya kepada penjual/pembekal.
25. CIMB tidak menerima apa-apa tanggungjawab bagi apa-apa implikasi percukaian yang boleh timbul daripada Hadiah atau penggunaannya. Apa-apa kewajipan pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai tertunggak kepada mana-mana pihak berkuasa akibat daripada penerimaan Hadiah akan kekal menjadi tanggungjawab tunggal Peserta Yang Layak. Ia adalah tanggungjawab setiap Pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas berkenaan dengan implikasi berpotensi yang mungkin wujud ke atas keadaan kewangan beliau.

Proses Pemilihan Pemenang

26. Pada akhir Tempoh Kempen, Peserta Yang Layak akan dipilih secara rawak oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan penyertaan yang diperoleh oleh Peserta Yang Layak semasa Tempoh Kempen, untuk Hadiah berikut:-
 - i. **Hadiah Saguhati**
Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini, sistem automatik CIMB akan menjana dua ratus (200) Pemenang berpotensi untuk setiap Bulan Penyertaan yang dirujuk di bawah Klausula 15 di sini berdasarkan jumlah penyertaan yang diperolehi dalam setiap Bulan Penyertaan ("Pemenang Hadiah Saguhati Berpotensi"). Pemenang Hadiah Saguhati Berpotensi akan dihubungi melalui SMS di nombor telefon bimbit mereka yang disimpan dalam rekod CIMB dalam tempoh lapan (8) minggu selepas tamat Tempoh Kempen dan akan diminta menjawab satu (1) soalan dengan betul dalam masa terpantas dengan membalas SMS tersebut. Seratus (100) Pemenang Hadiah Saguhati Berpotensi pertama yang membalas dengan jawapan yang betul dalam masa yang terpantas (dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam SMS) akan diisytiharkan sebagai "Pemenang Hadiah Saguhati".

- ii. Sekiranya Pemenang Hadiah Saguhati Berpotensi tidak membalas dalam tempoh masa yang diberikan, yang menyebabkan Pemenang Hadiah Saguhati yang tidak mencukupi, CIMB akan melaksanakan proses yang dinyatakan di bawah Klausa 26.i untuk kali kedua. Sekiranya masih tidak cukup Pemenang Hadiah Saguhati selepas melaksanakan proses yang disebutkan di atas untuk kali kedua, CIMB berhak untuk membatalkan hadiah tersebut.
 - iii. Soalan dan jawapan akan diadili dan diputuskan oleh panel hakim yang dipilih oleh CIMB dan keputusan panel hakim adalah muktamad dan mengikat.
 - iv. **Hadiah Kedua**

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini, sistem automatik CIMB akan menjana dua (2) Pemenang berpotensi untuk setiap Bulan Penyertaan yang dirujuk di bawah Klausa 16 di sini berdasarkan jumlah penyertaan yang diperolehi dalam setiap Bulan Penyertaan ("Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi"). Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi akan dihubungi melalui telefon di nombor telefon bimbit mereka yang disimpan dalam rekod CIMB dalam tempoh lapan (8) minggu selepas tamat Tempoh Kempen dan dikehendaki menjawab dua (2) soalan dengan betul sebelum diisytiharkan masing-masing "Pemenang Hadiah Kedua". Jika percubaan pertama untuk menghubungi Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi gagal, iaitu disebabkan oleh sebab-sebab seperti tiada jawapan, nombor telefon tidak dalam perkhidmatan, tiada sambungan atau apa-apa sebab lain, dua (2) lagi percubaan akan dibuat untuk memanggil Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi. Jika percubaan ketiga (ke-3) tidak berjaya, Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi tersebut akan hilang kelayakan dan tidak berhak untuk memenangi Hadiah Kedua. Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi yang seterusnya akan disenarai pendek untuk menggantikan Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi yang hilang kelayakan. Proses tersebut akan diulang sehingga CIMB berjaya mengenal pasti Pemenang Hadiah Kedua untuk Bulan Penyertaan yang berkenaan.
 - v. **Hadiah Pertama**

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini, sistem automatik CIMB akan menjana satu (1) pemenang berpotensi bagi setiap Bulan Penyertaan yang dirujuk di bawah Klausa 17 di sini berdasarkan jumlah penyertaan yang diperolehi dalam setiap Bulan Penyertaan ("Pemenang Hadiah Pertama Berpotensi"). Pemenang Hadiah Pertama Berpotensi akan dihubungi melalui telefon di nombor telefon bimbit mereka yang disimpan dalam rekod CIMB dalam tempoh lapan (8) minggu selepas tamat Tempoh Kempen dan dikehendaki menjawab dua (2) soalan dengan betul sebelum diisytiharkan sebagai "Pemenang Hadiah Pertama". Jika percubaan pertama untuk menghubungi Pemenang Hadiah Pertama Berpotensi gagal, iaitu disebabkan oleh sebab-sebab seperti tiada jawapan, nombor telefon tidak dalam perkhidmatan, tiada sambungan atau apa-apa sebab lain, dua (2) lagi percubaan akan dibuat untuk memanggil Pemenang Hadiah Pertama Berpotensi. Jika percubaan ketiga (ke-3) tidak berjaya, Pemenang Hadiah Pertama Berpotensi tersebut akan hilang kelayakan dan tidak berhak untuk memenangi Hadiah Pertama. Pemenang Hadiah Pertama Berpotensi yang seterusnya akan disenarai pendek untuk menggantikan Pemenang Hadiah Pertama Berpotensi yang hilang kelayakan. Proses tersebut akan diulang sehingga CIMB berjaya mengenal pasti Pemenang Hadiah Pertama untuk Bulan Penyertaan yang berkenaan.
27. CIMB mempunyai budi bicara tunggal untuk menetapkan hari bekerja (Isnin-Jumaat) dan masa (9 pagi - 6 malam) untuk membuat panggilan telefon kepada Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi dan/atau Pemenang Hadiah Pertama Berpotensi ("Pemenang Berpotensi"). CIMB tidak bertanggungjawab untuk panggilan yang dibuat kepada Pemenang Berpotensi yang (i) tidak lengkap atau terputus kerana apa-apa sebab; (ii) tidak dijawab atau tidak diteruskan kerana ketiadaan Pemenang Berpotensi pada tarikh dan masa yang ditetapkan dan/atau apa-apa sebab lain. Ia merupakan tanggungjawab Peserta Yang Layak untuk memastikan bahawa nombor telefon yang diberikan oleh mereka adalah terkini dan dikemaskini dengan CIMB sekiranya terdapat sebarang perubahan yang dibuat oleh Peserta Yang Layak. CIMB menyimpan hak untuk merekod perbualan telefon ini.
28. Semasa memilih Pemenang Kempen, Akaun Kad CIMB Penyertaan Peserta Yang Layak yang terpilih HARUS dalam keadaan baik dan TIDAK melanggar sebarang terma-terma dan syarat-syarat perjanjian kad kredit CIMB atau delinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan sekiranya tidak, mereka akan dilucuthak dari menyertai atau dipilih sebagai pemenang Kempen.

Proses Pemenuhan Hadiah

Hadiah Saguhati

29. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini, Hadiah Saguhati akan dihantar ke alamat surat-menyurat Pemenang Hadiah Saguhati berdasarkan rekod CIMB melalui pos dalam tempoh enam belas (16) minggu selepas tamat Tempoh Kempen. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada mana-mana Pemenang Hadiah Saguhati untuk menyampaikan Hadiah Saguhati kepada mana-mana pihak ketiga.

Hadiah Kedua

30. Pemenang Hadiah Kedua perlu mengutip Hadiah Kedua dari outlet Habib Jewels yang dipersetujui dalam panggilan telefon yang dibuat oleh kakitangan CIMB semasa proses pemilihan pemenang dalam masa dua (2) minggu selepas tarikh panggilan telefon. Sekiranya Pemenang Hadiah Kedua tidak mengutip Hadiah Kedua dari outlet Habib Jewels dalam masa dua (2) minggu, CIMB berhak untuk membatalkan Hadiah Kedua tanpa mencari Pemenang Hadiah Kedua baru.

Hadiah Pertama

31. Hadiah Pertama akan dikreditkan ke Akaun Semasa atau Akaun Simpanan CIMB Pemenang Hadiah Pertama dalam tempoh enam belas (16) minggu selepas tamat Tempoh Kempen. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang Hadiah Pertama untuk mengkredit Hadiah Pertama kepada akaun CIMB mereka yang lain atau akaun lain yang dikekalkan dengan bank lain atau mana-mana akaun pihak ketiga.
32. Dengan menerima Hadiah, Peserta Yang Layak bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan CIMB dan sekutu-sekutunya dan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen mereka masing-masing daripada apa-apa tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, kerosakan, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti yang ditanggung oleh CIMB dan sekutu-sekutunya dan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen mereka masing-masing berkenaan dengan penyertaan Pemenang tersebut dalam Kempen ini atau penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah. Semua risiko, kerugian, kerosakan berkenaan dengan penggunaan Hadiah akan ditanggung oleh Peserta Yang Layak.
33. Peserta Yang Layak harus bertanggungjawab untuk memastikan bahawa nombor telefon dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat yang diberikan adalah terkini dan dikemaskini dengan CIMB. Pemberitahuan dan/atau penghantaran Hadiah oleh CIMB akan berdasarkan kepada nombor telefon dan alamat surat-menyurat dalam Malaysia setiap Peserta Yang Layak yang dikekalkan dengan CIMB. Penghantaran Hadiah hanya sah untuk alamat surat-menyurat dalam Malaysia, dan tidak akan sah untuk alamat surat-menyurat di luar Malaysia. Bagi Peserta Yang Layak yang tidak mempunyai alamat surat-menyurat dalam Malaysia, Peserta Yang Layak perlu menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB di nombor telefon 03-6204 7788 untuk memaklumkan kepada CIMB sama ada pengutipan Hadiah dari cawangan CIMB atau penghantaran Hadiah ke alamat surat-menyurat dalam Malaysia yang diberikan. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak untuk sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan yang mengalir daripadanya) yang dialami atau untuk sebarang kegagalan untuk memenuhi penghantaran Hadiah sekiranya nombor telefon dan/atau alamat surat-menyurat Peserta Yang Layak dalam rekod CIMB adalah bukan terkini atau tidak betul. Peserta Yang Layak bersetuju dan membenarkan CIMB untuk mendedahkan maklumat mereka (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor telefon dan alamat surat-menyurat dan/atau alamat e-mel) kepada pengedar/ejen yang dilantik untuk menghantar Hadiah.
34. Pemenang Kempen akan berdasarkan budi bicara tunggal dan mutlak CIMB dikehendaki menghadiri dan mengambil bahagian dalam upacara pemberian hadiah dan/atau acara lain yang berkenaan yang dianjurkan oleh CIMB (jika ada) dan jika Pemenang gagal menghadiri upacara dan/atau acara, CIMB berhak untuk menarik balik Hadiah dan memilih Pemenang lain.
35. CIMB menyimpan hak untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar dan bandar kediaman mana-mana Pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai olehnya. Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang dengan ini memberi kebenaran dan bersetuju bahawa CIMB adalah bebas untuk menerbitkan dan/atau memaparkan bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, gambar dan bandar kediaman Pemenang tanpa pampasan bagi tujuan pengiklanan dan publisiti. Ketidapatuhan boleh menyebabkan Pemenang alternatif dipilih.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

36. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Terma-terma dan Syarat-syarat ini serta memberi persetujuan kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang terdapat di www.cimbbank.com.my or www.cimbislamic.com.my dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang diberikan dan penentuan Pemenang, hendaklah muktamad, terikat dan konklusif.
37. Kad CIMB Peserta Yang Layak (i) MESTI TIDAK memungkiri mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Kad CIMB DAN (ii) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Hadiah, jika tidak Peserta Yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Hadiah akan ditarik balik.
38. CIMB menyimpan hak untuk menggunakan budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Yang Layak yang ia tentukan akan mengganggu proses penyertaan, atau bertindak memungkiri atau berpotensi memungkiri Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
39. CIMB menyimpan hak untuk menggantikan Hadiah dengan mana-mana barangan yang mempunyai kos setara dan/atau melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Yang Layak. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini oleh CIMB tidak akan melayakkan mana-mana Peserta Yang Layak atau mana-mana jua orang lain kepada apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap CIMB bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Yang Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini.
40. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa cara sekalipun dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian kewajibannya di sini, disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, perang, mogok, rusuhan, apa-apa bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB atau akibat daripada apa-apa faktor dalam bentuk *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
41. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian apa jua sifat sekalipun yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) yang timbul, berkenaan dengan penyertaan atau bukan penyertaan dalam Kempen ini termasuk disebabkan tidak menerima atau kelewatan dalam menerima khidmat pesanan ringkas ("SMS") oleh Peserta Yang Layak melainkan jika ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaihan melampau dan keingkaran sengaja CIMB.
42. CIMB menyimpan hak dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk meminda (sama ada penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau apa-apa jua) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat di sini. Notifikasi kepada Peserta Yang Layak berkenaan dengan Pindaan boleh dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu kaedah komunikasi berikut, iaitu, dengan paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB dan cawangan-cawangan CIMB di mana peruntukan terperinci berhubung Pindaan tersebut boleh diberikan dalam notis itu sendiri atau boleh diberikan kepada Peserta Yang Layak atas permintaan atau melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Yang Layak dari tarikh notifikasi tersebut atau dari tarikh lain seperti yang boleh dinyatakan oleh CIMB dalam notifikasi. Peserta Yang Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
43. Tiada pampasan dalam tunai atau apa jua jenis akan diberikan kepada Peserta Yang Layak untuk sebarang kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada pindaan, perubahan, pemadaman, penambahan atau pengubahan Terma-terma dan Syarat-syarat di sini.

44. Terma-terma dan Syarat-syarat ini (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 42) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-terma dan Syarat-syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Perjanjian Pemegang Kad CIMB semasa yang akan digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat di sini.
45. Apa-apa pertanyaan, maklumbalas, kebimbangan, isu atau aduan oleh Peserta Yang Layak berkaitan dengan Kad CIMB di bawah CIMB Islamic hendaklah ditujukan kepada CIMB Islamic dan CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kad CIMB di bawah CIMB Islamic.
46. Terma-terma dan Syarat-syarat ini tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan semasa yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana perbadanan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB berhubung dengan atau yang terpakai bagi Kempen atau apa-apa perkara yang terkandung di sini.
47. Sekiranya terdapat sebarang ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Malaysia dan versi Bahasa Inggeris Terma-terma dan Syarat-syarat di sini, versi Bahasa Inggeris Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di atas di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Yang Layak dan dicatat dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Terma-terma dan Syarat-syarat Kad Kredit telah dipilih oleh Peserta Yang Layak untuk mengawal operasi penggunaan Kad Kredit Peserta Yang Layak, maka versi Bahasa Malaysia Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan mengatasi yang lain.
48. Bagi maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini, Peserta Yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB yang mempunyai alamat, telefon dan alamat e-mel yang berikut (atau mempunyai alamat, telefon dan alamat e-mel lain sepertimana yang boleh ditukarkan oleh CIMB melalui pemberitahuan kepada Peserta Yang Layak): CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Unit Resolusi Pelanggan (CRU), P.O.Box 10338, GPO Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan / Tel: +603 6204 7788 / E-mel: cru@cimb.com.